

WARFARIN (Malay)

MENGAPA SAYA PERLU MENGAMBIL WARFARIN?

Warfarin adalah sejenis ubat untuk mencegah pembekuan darah. Ia mencairkan darah supaya bekuan darah yang merbahaya tidak terbentuk dalam saluran darah kita, atau mengelak bekuan darah yang sudah terbentuk daripada berkembang.

MENGAPA SAYA PERLU MENJALANI UJIAN DARAH SEMASA MENGAMBIL WARFARIN?

- Dos warfarin yang anda perlukan, bergantung kepada keputusan sejenis ujian darah yang dipanggil “International Normalised Ratio”, atau INR. INR menyukat tahap pembekuan darah anda (kecairan / ketipisan darah anda). Ini akan membantu doktor atau ahli farmasi dalam menentukan dos yang paling sesuai untuk anda.
- Kejayaan rawatan anda bergantung kepada pemantauan dan penyesuaian dos warfarin pada waktu yang tepat supaya darah dapat dicairkan secara optimum. Warfarin adalah sejenis ubat yang sensitif dan kesannya mungkin dipengaruhi oleh diet, ubat-ubat lain dan kesihatan. Dos yang mengandungi warfarin yang berlebihan boleh mengakibatkan pendarahan serius, manakala dos yang tidak mencukupi mungkin gagal mencegah bekuan darah.
- Dos warfarin yang diperlukan berbeza untuk setiap individu (orang). Untuk individu yang sama, dos warfarin juga mungkin berubah mengikut masa.
- Semasa permulaan rawatan warfarin, anda dijangkakan untuk menjalani ujian darah setiap minggu sekurang-kurangnya untuk 1 bulan. Seterusnya, kekerapan ujian darah anda bergantung pada kestabilan keputusan ujianujian darah (INR) anda yang sebelumnya (tidak berubah-ubah atau turun naik dengan kerapnya).
- PENTING: Hadirkan diri dan menjalani segala temujanji ujian darah dan pemeriksaan untuk memastikan keselamatan anda semasa rawatan warfarin ini.

Jika anda tidak sihat (muntah, cirit-birit, atau ada tanda-tanda yang mencadangkan jangkitan seperti demam), sila rujuk kepada doktor kerana ujian darah mungkin perlu dilakukan.

BAGAIMANAKAH SAYA MENGECAM / MENGENALI UBAT SAYA?

Anda mesti mengingati nama dan kandungan ubat anda dengan tepat supaya dos yang betul dapat diambil. Nama ubat ini adalah WARFARIN dan nama jenamanya ialah MAREVAN®.

Kandungan ubat ini boleh dikenali mengikut warna tabletnya:



Tablet 1mg :
Coklat/Perang



Tablet 3mg : Biru



Tablet 5mg :
Merah Jambu



Jangan ubah jenama ubat tanpa arahan dari doktor anda sebab kesannya mungkin berbeza.

BAGAIMANAKAH SAYA MENGAMBIL WARFARIN?


- Warfarin harus dimakan pada masa yang tetap setiap hari.
- PENTING: Jangan terlupa untuk mengambil ubat.
- Warfarin boleh dimakan sebelum atau selepas makan.

APAKAH YANG HARUS SAYA BUAT JIKA SAYA TERLUPA DOS WARFARIN?

- Jika anda terlupa untuk mengambil dos warfarin pada waktu yang ditetapkan,
 - Jika masih dalam 8 jam dari waktu yang ditetapkan: Ambil secepat mungkin.
 - Jika melebihi 8 jam dari waktu yang ditetapkan: JANGAN ambil pada hari itu. Ambil pada masa yang sama pada keesokan harinya dan JANGAN gandakan dos anda dengan dos yang terlupa
- Catatkan tarikh dos yang terlupa supaya dapat diingati. Beritahu doktor atau ahli farmasi tentang tarikh dos yang terlupa semasa ujian darah yang seterusnya.
- Hubungi doktor atau klinik ACC (Anti-Coagulation Clinic) untuk nasihat selanjutnya jika anda terlupa makan lebih daripada 1 dos. Jangan ubah dos anda sendiri tanpa merujuk doktor atau ahli farmasi terlebih dahulu.

Pastikan bekalan ubat anda sentiasa mencukupi sekurang-kurangnya untuk seminggu.

APAKAH KESAN-KESAN SAMPINGAN WARFARIN



- + Semasa mengambil warfarin, anda mungkin mengalami pendarahan kecil sekali-sekala yang biasanya tidak memerlukan rawatan khusus:
 - Gusi berdarah semasa memberus gigi
 - Hidung berdarah sekali-sekala
 - Lebam dengan mudah
 - Pendarahan dari luka kecil yang berkekalan kurang daripada 10 minit
 - Darah haid yang lebih banyak daripada biasa (untuk wanita yang berhaid)
- + Dapatkan nasihat doktor segera jika anda mengalami salah satu tanda pendarahan berikut:
 - Luka atau lebam yang luar biasa, gusi berdarah, hidung berdarah, muntah darah atau pendarahan yang serius atau mengambil masa lama untuk berhenti
 - Air kencing yang berwarna merah jambu atau merah
 - Darah dalam najis, atau najis yang berwarna merah atau hitam melekit
 - Bermuntah darah atau pepejal hitam yang kelihatan seperti sisa kopi
 - Tiba-tiba mengalami sakit kepala yang teruk atau berterusan, pening kepala atau rasa lemah
 - Terjatuh atau terhantuk kepala/muka
- + Dalam tempoh pengubahsuaian dos warfarin, bekuan darah masih boleh terbentuk dalam saluran darah. Dapatkan nasihat doktor segera jika anda mengalami tanda-tanda berikut:
 - Kaki Bengkak, rasa hangat, merah, sakit atau kebas
 - Sakit dada atau tiba-tiba sesak nafas tanpa sebab
 - Tiba-tiba hilang rasa atau kebas pada muka/anggota badan, mengalami pertuturan atau penglihatan yang tidak jelas, pitam (pengsan sementara) atau pening

BOLEH KAN SAYA MENGAMBIL UBAT LAIN SEMASA MENGAMBIL WARFARIN?

- Ubat lain mungkin menjegas kesan ubat warfarin. Anda mesti memberitahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat lain seperti ubat antibiotik, ubat menghilangkan sakit atau ubat yang dibeli dari kaunter farmasi untuk batuk, selsema, gastrik, sembelit dan lain-lain.
- Elakkan pil-pil vitamin yang mengandungi vitamin K. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum memulakan atau menghentikan sebarang jenis pil-pil vitamin (contohnya: Ginkgo Biloba, Minyak Ikan Omega-3, pil bawang putih, pil halia).
- Elakkan semua jenis ubat tradisional (contohnya jamu, herba Cina) semasa mengambil warfarin.



PERLUKAH SAYA MENGUBAH CARA PEMAKANAN SAYA?

Kandungan vitamin K dalam makanan anda akan mengubah kesan warfarin terhadap pencegahan pembekuan darah. Anda tidak perlu mengelak makanan yang mengandungi vitamin K, tetapi perlu mengambilnya dalam jumlah yang tetap dan tidak berubah secara tiba-tiba atau keterlaluan. Makanan yang mengandungi vitamin K termasuk sayur berdaun hijau seperti bayam, brokoli, kailan dan kangkung.

Rujuk kepada risalah “Interaksi Antara Ubat Warfarin dengan Vitamin K dalam Makanan”

PERKARA-PERKARA LAIN YANG SAYA PERLU AMBIL PERHATIAN?

- Jika anda menerima rawatan daripada doktor lain atau doktor gigi, beritahu mereka bahawa anda sedang mengambil ubat warfarin.
- Beritahu doktor anda jika anda hamil atau bercadang untuk megandung (untuk wanita sahaja).

BAGAIMANAKAH HARUS SAYA SIMPAN UBAT INI?

Simpan ubat anda di tempat yang dingin, kering dan tidak di bawah sinaran matahari. Jangan simpan ubat di bilik air, dapur atau peti sejuk. Jauhkan ubat ini daripada kanak-kanak.

Appendix

INTERAKSI ANTARA UBAT WARFARIN DENGAN VITAMIN K DALAM MAKANAN

[Click Here](#)

Video pendidikan Warfarin (Malay)

Sila imbas kod QR untuk menonton video mengenai maklumat Warfarin



Materials In Other Languages

Warfarin Patient Information Leaflet (Chinese)

[Click Here](#)

Interaction of Foods and Dietary Vitamin K with Warfarin (Chinese)

[Click Here](#)

Warfarin Patient Information Leaflet (English)

[Click Here](#)

Interaction of Foods and Dietary Vitamin K with Warfarin (English)

[Click Here](#)

National University Hospital
5 Lower Kent Ridge Road, Singapore 119074
OneNUHS Hotline: (65) 6908 2222
OneNUHS General Enquiries: contactus@nuhs.edu.sg
OneNUHS Appointments: appointment@nuhs.edu.sg
www.nuh.com.sg



Scan for
more information

Take charge of your health and access health information and services across NUHS institutions.

Download the NUHS App now!



Scan to download

The information in this brochure is meant for educational purposes and should not be used as a substitute for medical diagnosis or treatment. Please seek your doctor's advice before starting any treatment, or if you have any questions related to your health, physical fitness or medical condition.

© 2025, National University Health System. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or shared without prior permission from National University Health System.

Information is correct at time of printing May 2025 and subject to revision without prior notice.